



SALAM KASIH



Azman Mohamed

Pegawai Psikologi (Kaunseling) /
Ketua Penyelaras PROSTAR 2.0 Kebangsaan
Sektor HIV/STI/Hepatitis C
Bahagian Kawalan Penyakit KKM



PENGENALAN



APA ITU



PROSTAR adalah singkatan kepada “Program Sihat Tanpa AIDS Untuk Remaja”.
Kini dikenali dengan nama **PROSTAR 2.0**.

Program ini diperkenalkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dalam usaha menangani masalah HIV/AIDS di kalangan remaja. Idea penubuhan PROSTAR telah dicetuskan pada tahun 1995 hasil perbincangan KKM dengan pelbagai jaringan agensi kerajaan dan bukan kerajaan (NGO).

KONSEP



PROSTAR berkonsepkan “Oleh Remaja, Melalui Remaja, Untuk Remaja”.

Program ini menggerakkan remaja Malaysia yang berumur 13 hingga 25 tahun sebagai Pembimbing Rakan Sebaya (PRS) ke arah hidup sihat tanpa AIDS.

Sebagai PRS, mereka dilatih untuk menjalankan pelbagai aktiviti yang melibatkan pendidikan HIV/AIDS kepada remaja yang lain.

OBJEKTIF



- ✓ **Meningkatkan kesedaran serta pengetahuan remaja** akan bahaya jangkitan HIV, cara pencegahan dan pengawalannya.
- ✓ **Menyemai sikap positif di kalangan remaja** agar prihatin akan masalah HIV yang dikaitkan dengan gejala sosial yang melanda remaja masa ini.
- ✓ **Menggalakkan remaja mengamalkan cara hidup yang sihat**, serta menghindari tingkahlaku berisiko tinggi kepada jangkitan HIV.
- ✓ **Membentuk segolongan PRS** bagi mempengaruhi remaja ke arah cara hidup sihat dan menggerakkan remaja agar turut serta dalam usaha menentang ancaman AIDS.
- ✓ **Melahirkan segolongan PRS yang berperanan sebagai sukarelawan khidmat sosial** dalam memberi khidmat sokongan kepada remaja.

STRATEGI



- ✓ **Pengukuhan Jaringan Kerjasama Pelbagai Agensi.**

Melibatkan secara aktif dan berterusan pelbagai agensi kerajaan dan bukan kerajaan termasuk badan korporat, badan profesional dan lain-lain dalam merancang, melaksana dan menilai program PROSTAR secara perkongsian pintar. Jaringan kerjasama meliputi bantuan teknikal, tenaga manusia, perkhidmatan dan kewangan.

- ✓ **Pendekatan Komunikasi Secara Intensif.**

Menggunakan kaedah komunikasi interpersonal dan kaedah-kaedah lain termasuk media massa yang bersesuaian secara meluas di setiap peringkat.

STRATEGI



- ✓ **Promosi.**

Menggunakan pelbagai jenis media seperti media cetak, media elektronik, media luar (out door media) dan teknologi maklumat dalam menyebarkan maklumat bagi mempromosi PROSTAR.

- ✓ **Latihan PROSTAR.**

Melalui latihan PROSTAR, remaja menjalani latihan secara intensif menggunakan manual latihan khas mengikut kumpulan sasaran.

FORMULA



+ : Tambah maklumat

- : Tolak risiko

÷ : Bahagi tanggungjawab

x : Gandakan usaha

= HIDUP SIHAT TANPA HIV/AIDS

PROGRAM



Program PROSTAR dijalankan mengikut beberapa aktiviti iaitu :

- Latihan *Training Of Trainer* (T.O.T) PROSTAR 2.0
- Latihan PROSTAR 2.0 Remaja Sekolah Menengah
- Latihan PROSTAR 2.0 Remaja IPT (IPTA/IPTS)
- Aktiviti Temuseru (*Outreach*) PROSTAR
- Booth Interaktif Sempena Sambutan Hari AIDS Sedunia

***Pelaksanaan program latihan diselia oleh Pegawai AIDS Negeri/Daerah.**

MANUAL LATIHAN




Manual Latihan PROSTAR turut dikemaskini sebagai panduan dan rujukan semasa latihan PROSTAR dijalankan.

Kini dikenali sebagai Manual Latihan PROSTAR 2.0, mengandungi **10** modul utama :

1. ***Pengenalan (Ice-Breaking)***
2. ***Untungnya Menjadi Remaja***
3. ***Remaja Tanpa HIV***
4. ***Kesihatan Seksual dan Reproduktif (Kehidupan Bermaruah dan Sihat)***
5. ***Remaja Tanpa Stigma dan Diskriminasi***
6. ***Isu-Isu Berkaitan HIV/AIDS***
7. ***Remaja & Komunikasi***
8. ***Nilai-Nilai Murni dan Spiritualiti PROSTAR***
9. ***Abstinens***
10. ***Tindakan Remaja Selepas Program***

CONTOH RISALAH

PROSTAR



PRO)STAR

AKTIVITI

AKTIVITI

PROSTAR



AKTIVITI **PROSTAR**



AKTIVITI **PROSTAR**



LATIHAN PROSTAR

Latihan PROSTAR Remaja Sekolah Menengah



LATIHAN PROSTAR

Latihan PROSTAR Remaja IPT



PAMERAN/BOOTH



Sambutan Hari AIDS Sedunia




PERANCANGAN

PROSTAR

- PELANCARAN MODUL PROSTAR 2.0 @ SAMBUTAN HARI AIDS SEDUNIA PERINGKAT KEBANGSAAN 2023
- KONVENSYEN PROSTAR
- KEMBARA PROSTAR
- PROSTAR @ IPT
- PROSTAR @ KUMPULAN SASARAN
- PELAPORAN PROSTAR 2.0

“JANGAN MENUNGGU
WAKTU YANG TEPAT
UNTUK MELAKUKAN SESUATU,
KERANA WAKTU TIDAK AKAN
PERNAH TEPAT BAGI
MEREKA YANG MENUNGGU.”

PROSTAR



JOM FOLLOW MOH_ **PROSTAR**




JOM FOLLOW MOH_ **PROSTAR**



PROSTAR
PROGRAM SIHAT TANPA AIDS UNTUK REMAJA

moh_prostar

Scan QR code to follow account



PROSTAR

@moh_prostar

205 Following | 157 Followers | 245 Likes

Edit profile | Add friends

PROSTAR adalah singkatan kepada Program Sihat Tanpa AIDS untuk Remaja.

Your orders | Add Yours

Tahukah anda? 28 tahun yang lalu, iaitu pada 30 Jun 1992, sebuah organisasi bukan kerajaan (NGO) yang dinamakan sebagai Kelab PROSTAR telah ditubuhkan. Mempunyai rangkaian cawangan di seluruh negeri dan daerah, dan diketuai oleh ahli kelab yang telah dilatih sebagai PPS PROSTAR. Ahli kelab ini dikenali sebagai PROSTARian. 🥰

Salam Aidiladha kepada seluruh umat Islam di Malaysia

MENTAL SIHAT, ANDA HEBAT

Home | Friends | + | Inbox | Profile

JOM FOLLOW MOH_ **PROSTAR**





PROSTAR^{2.0}

PROGRAM SIHAT TANPA AIDS UNTUK REMAJA

Find us on  moh_prostar

Follow  moh_prostar

Like  moh_prostar

Share  prostarlegacy@gmail.com

